

27/01/2002

Tioman destinasi percutian ideal

Azidan Nahar

BERSANTAI di pantai yang memutih dengan udara laut segar dan nyaman serta ditemani keindahan alam semula jadi adalah suasana yang sukar dilupakan jika anda berkunjung ke Pulau Tioman, Pahang.

Terletak kira-kira 42 batu nautika dari tanah besar dengan himpunan 22 pulau kecil, Tioman memenuhi impian anda untuk menikmati satu percutian yang ideal dan menarik.

Walaupun sudah banyak kemudahan moden dibina, Tioman masih mengekalkan keindahan persekitarannya sebagai 'syurga batu karang' dan juga pelbagai hidupan laut yang memukau.

Malah, berita lebih menggembirakan apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, minggu lalu mengesahkan pulau peranginan yang dianggap 10 tercantik dan terindah di dunia itu, akan diberikan status pulau bebas cukai.

Kewujudan 'syurga laut' beridentiti tersendiri ini secara langsung menawarkan pelbagai kegiatan menarik. Tidak lengkap percutian anda di sini jika tidak menerokai dasar laut dan gugusan terumbu karangnya, selain kegiatan luncur layar, berkayak dan memancing laut dalam.

Antara pulau berhampiran yang sesuai dan boleh dikunjungi bagi kegiatan sukan air ialah Chebeh, Tulai, Rengis, Sembilang, Seri Buat dan Gut yang airnya tenang dan mempunyai pelbagai hidupan air.

Bagi mereka yang suka berehat sambil bersantai di pantai, pelbagai pilihan pantai menarik boleh dikunjungi seperti di Tekek, Salang, Genting, Air Batang dan Juara.

Antara kampung lain di pulau ini yang sering menjadi tumpuan pelancong termasuklah Kampung Paya, Genting, Lanting, Mukut dan Juara yang turut menawarkan pelbagai kemudahan dan keindahan tersendiri.

Bagi peminat sukan golf, kemudahan padang golf 18 lubang bertaraf antarabangsa turut disediakan selain itu anda juga boleh bersiar-siar melihat kehidupan masyarakat kampung yang ramah.

Oleh kerana kedudukannya sebagai antara pulau tercantik di dunia, Tioman juga diwartakan sebagai kawasan perlindungan bagi memelihara spesies hiduppannya daripada kemusnahan disebabkan pembangunan.

Bagi kaki pancing, pulau ini menjanjikan kepuasan tersendiri dengan pelbagai jenis ikan yang mudah diperoleh di beberapa lokasi tertentu kira-kira 3 kilometer atau lebih dari kawasan pantai.

Tidak lengkap rasanya lawatan ke Tioman jika tidak mengunjungi Taman Hidupan Air (Tioman Marine Park) yang terletak hanya kira-kira satu kilometer dari jeti Kampung Tekek.

Di sini, kebanyakan kegiatannya bertumpu kepada pengurusan dan pemeliharaan persekitaran laut dan juga hiduppannya selain turut menawarkan kemudahan bagi tujuan kajian dan program pendidikan.

Di pusat ini juga anda boleh merasai keseronokan berenang sambil di kelilingi beribu-ribu ikan yang jinak apabila diberi makan.

Selain kegiatan air, pelbagai kegiatan lain boleh diisi sepanjang berada di sini terutama bagi mereka yang meminati alam semula jadi dan hutan hujan tropika.

Terdapat pelbagai kemudahan penginapan disediakan bergantung kepada kemampuan daripada chalet sehinggalah ke bilik penginapan yang lengkap dengan pelbagai kemudahan serta bertaraf antarabangsa.

Bagi memenuhi percutian menarik ini anda boleh menghubungi Pusat Penerangan Pelancongan di Kuantan melalui talian 09-5161007 atau datang

sendiri ke jeti Tanjung Gemuk, di Endau Rompin.

Perkhidmatan feri disediakan dua kali sehari dengan kadar RM25 sehalu, selain menaiki kapal terbang yang sekarang hanya memberikan perkhidmatan dari Kuala Lumpur saja.

(END)